

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat : 13)

Ayat di atas menerangkan tentang tuntutan kepada manusia yang terdiri daripada pelbagai bangsa.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** tuntutan tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab turun ayat di atas. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَىٰ ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang galakan berdikari dalam kehidupan.

- (i) Nyatakan pengertian berdikari. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kelebihan berdikari. [4 markah]

### USAHA TANGGA KEJAYAAN

- (iii) Bagaimanakah anda mengaplikasikan pernyataan di atas dalam kehidupan seharian? Huraikan. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** bahagian hukum *qalqalah* di dalam hukum tajwid. [2 markah]

- 2 (a) (i) Nyatakan **dua** ciri ajaran sesat daripada aspek akidah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara menjauhi ajaran sesat. [4 markah]
- Terdapatnya ajaran sesat yang mendakwa bahawa solat cukup dengan berniat sahaja tanpa perlu melakukannya.
- (iii) Kemukakan pandangan anda berkaitan situasi di atas. [4 markah]
- (b) (i) Al-Raqib merupakan antara nama-nama Allah SWT yang indah. Nyatakan maksud al-Raqib. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. [4 markah]
- Keimanan kepada sifat al-Raqib akan menjadikan seseorang hamba sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara agar tidak bercanggah dengan syariat Islam.
- (iii) Huraikan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas. [4 markah]
- 3 (a) (i) Ibadat haji dan umrah merupakan ibadat yang ditunaikan oleh umat Islam di Mekah. Nyatakan **dua** syarat wajib haji dan umrah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara ibadat haji dan umrah. [4 markah]
- Larangan melakukan sesuatu perkara yang dilarang semasa ihram menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan sikap disiplin di dalam melakukan ibadat.
- (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda dapat menjadikan sikap di atas sebagai usaha untuk menjadi pelajar yang berjaya di dalam pelajaran? [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud solat sunat istikharah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat istikharah daripada aspek bacaan dalam solat. [2 markah]
- (iii) Terangkan hikmah menunaikan solat sunat istikharah. [2 markah]
- Rakan anda tidak melakukan solat sunat istikharah disebabkan tidak tahu cara pelaksanaannya.
- (iv) Bagaimanakah usaha yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda? Huraikan. [4 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

- 4 (a) (i) Kerajaan Abbasiyyah merupakan kerajaan Islam yang terkenal. Nyatakan sejarah kerajaan Abbasiyyah secara ringkas. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyyah dari aspek sosial. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan kerajaan Abbasiyyah. [4 markah]
- (b) (i) Ahmad bin Ibrahim adalah merupakan tokoh yang terkenal di dalam bidang perundangan. Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [3 markah]
- (ii) Senaraikan **tiga** sumbangan beliau dalam sejarah Islam. [3 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada ketokohan Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]
- 5 (a) (i) Apakah maksud *wasatiyyah*? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** aspek keadilan berdasarkan prinsip *wasatiyyah*. [4 markah]



- (iii) Berdasarkan konsep *wasatiyyah*, kemukakan pandangan anda dengan mengaitkan pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah menjaga alam sekitar. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**